

YUHANIS BINTI MOHAMED NOOR NOREWANI BINTI SUKRI

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengadakan pameran serta jualan produk dan perkhidmatan koperasi bersempena Hari Koperasi Negara pada 27 – 31 Julai 2022 bertempat di Mines International Exhibition & Convention Centre, MIECC, Jalan Dulang, Mines Wellness City, Seri Kembangan, Selangor. Objektif EkSKOM ini diadakan adalah untuk memperkasakan sosio ekonomi gerakan koperasi setelah melalui fasa pandemik dan persediaan mengharungi persekitaran ekonomi semasa disamping mewujudkan nilai tambah dalam perusahaan dan perniagaan gerakan koperasi yang memberi kesan kepada pengembangan perniagaan serta mencapai impak pembangunan gerakan koperasi melalui pengembangan aktiviti ekonomi pelbagai sektor industri. Sehubungan itu, ANGKASA-UMK Research Academy (AURA) turut berpeluang untuk menyertai Ekspo tersebut bagi mempromosikan perkhidmatan AURA disamping memperkenalkan UMK sebagai sebuah universiti keusahawanan. Turut dijemput untuk bersama AURA dalam pameran tersebut adalah wakil unit promosi FKP dan MGSEB. Program ini telah mendapat kunjungan seramai 35,767 pengunjung selama empat hari dan telah mencatatkan nilai dagangan melebihi 100 juta. Menerusi program ini, dapat mempromosikan AURA kepada semua pengunjung terutama agensi-agensi penting dan juga koperasi serta mencipta jaringan baru seperti SevenBoss yang mana telah bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dengan AURA untuk jalankan program akan datang.

